

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENEROKAAN BIDANG BAHARU

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan sumber dan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri yang sedia ada?
- Apakah Kerajaan Negeri bergantung harap kepada pendapatan sedia ada yang sebahagiannya dijana melalui cukai?
- Nyatakan sekiranya Kerajaan Negeri melaksanakan kajian & penerokaan bidang baru yang boleh menjana pendapatan negeri?

JAWAPAN:

- Untuk makluman Yang Berhormat, sumber dan pendapatan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Sehingga 30 September 2019, jumlah pendapatan Kerajaan Negeri adalah seperti jadual di bawah:

| HASIL NEGERI | 30 SEPTEMBER 2019 RM |
|----------------------|---------------------------------|
| Hasil Cukai | 628,281,600.81 |
| Hasil Bukan Cukai | 938,273,746.16 |
| Terimaan Bukan Hasil | 240,113,263.72 |
| JUMLAH | 1,806,668,610.69 |

- Pendapatan utama Kerajaan Negeri adalah daripada hasil bukan cukai iaitu premium tanah dan penyumbang kedua terbesar adalah daripada hasil cukai. Walau bagaimanapun, usaha-usaha lain masih diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

- c) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa melaksanakan kajian dan penerokaan bidang baru yang boleh menjana pendapatan negeri. Di antara langkah-langkah inisiatif pembaharuan Kerajaan Negeri untuk menambah dan meningkatkan kutipan sumber hasil negeri dengan lebih berkesan lagi adalah :
- 1) Cadangan Pelaksanaan Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain daripada tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di Negeri Selangor. Permit Khas ini akan memberikan kebenaran ke atas aktiviti-aktiviti tertentu yang tiada berkaitan dengan pertanian atau ke atas mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah pertanian tidak terhad kepada menara telekomunikasi dan papan iklan. Kelulusan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran Permit Khas.
 - 2) Pajakan Tanah Rizab Negeri. Terdapat tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dipajak mengikut Seksyen 63, KTN 1965 seperti arahan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil. 3/2016. Permohonan ini diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang membolehkan pemohon mengusahakan tanah tersebut bagi maksud tertentu dalam tempoh maksimum 21 tahun. Kelulusan pajakan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran sewaan dan cukai tanah tahunan.
 - 3) Pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018.
 - 4) Memperkenalkan Caj Fi Bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
 - 5) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;

- 6) merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- 7) melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- 8) merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU KILANG HARAM

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini dan senaraikan kilang haram yang masih lagi beroperasi di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah dan senaraikan kilang haram yang telah diputuskan bekalan elektrik selepas TNB memberikan kerjasama untuk melaksanakannya?
- c) Adakah usaha tersebut berkesan?

JAWAPAN:

Pertanyaan a) dan b) berkenaan Isu Kilang Haram oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang adalah dijawab bersekali.

Jumlah keseluruhan kilang haram yang direkodkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor adalah sebanyak **2,974** buah kilang. Manakala jumlah kilang yang diambil tindakan pemotongan bekalan elektrik adalah sebanyak **45** buah kilang. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

| BIL. | PBT | Jumlah bilangan kilang haram | Jumlah kilang haram yang dipotong bekalan elektrik |
|-------------|------------|-------------------------------------|---|
| 1. | MBSA | 967 | Tiada |
| 2. | MPK | 671 | Tiada |
| 3. | MPKj | 389 | Tiada |
| 4. | MPSJ | 310 | Tiada |
| 5. | MPAJ | 192 | Tiada |
| 6. | MDKL | 176 | 33 |

| | | | |
|---------------|------|--------------|-----------|
| 7. | MPS | 114 | Tiada |
| 8. | MPSp | 55 | Tiada |
| 9. | MDHS | 49 | 3 |
| 10. | MBPJ | 20 | Tiada |
| 11. | MDSB | 22 | Tiada |
| 12. | MDKS | 9 | 9 |
| JUMLAH | | 2,974 | 45 |

*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

Senarai penuh kilang haram terlalu panjang untuk saya sebutkan. Oleh itu, saya akan serahkan kemudian.

- c) Tindakan memotong bekalan elektrik terhadap kilang haram hanya berkesan dalam menghentikan operasi kilang dengan serta-merta, namun ianya berkesan hanya dalam tempoh sementara sahaja kerana pengusaha kilang akan menggunakan penama lain atau pekerja lain untuk membuat penyambungan semula bekalan elektrik yang telah dipotong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH TANPA PERMIT

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan meningkatkan hukuman bagi pemilik tanah yang melakukan pembangunan tanpa permit dan mengakibatkan masalah seperti banjir lumpur dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Kesalahan pembinaan tanpa permit pembinaan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan merujuk Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) boleh dikenakan kompaun maksima sebanyak RM25,000.00 dan pemohon akan dikenakan denda 10 kali ganda merujuk UBBL semasa pengemukaan pelan bangunan.

Selain itu, Mengikut Seksyen 18 dan 19, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 tiada seorang pun boleh menggunakan tanah melainkan menurut Rancangan Tempatan serta memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan tanpa Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Berikutan itu pembangunan tanpa permit, ia selaras dengan pembangunan tanpa kebenaran merancang di mana sebarang pembangunan tanpa kebenaran merancang dimana sebarang pembangunan tanpa Kebenaran Merancang akan dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 27, Akta 172 dimana sebarang ketidakpatuhan notis boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan skim ini kepada golongan M40 kerana ada sesetengah mereka mempunyai tanggungan yang besar meskipun gaji melebihi RM 4000 sebulan?

- b) Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk meningkatkan kadar air percuma 20 meter padu kepada 30 sebagai contoh?

JAWAPAN:

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar (Soalan No. 2), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 74), Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 197), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 230) dan Yang Berhormat Batang Kali (Soalan No. 284).

1. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Pandamaran bertanyakan berapa anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan skim air percuma dan Yang Berhormat Sungai Panjang bertanyakan anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini. Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta akaun pengguna kepada 700,000 akaun.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM96 juta setahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk

menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

3. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih pula bertanyakan mengenai mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasar. Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasar yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu www.ssipr.selangor.gov.my atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.
4. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Darul Ehsan ini diperluaskan kepada golongan M40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT dan lain-lain.
5. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu kerana penggunaan 20 meter padu adalah mencukupi untuk menampung kegunaan domestik bagi satu keluarga purata seramai lima (5)

orang. Tambahan pula, mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari, iaitu 30% lebih tinggi dari kadar air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi setiap individu sebanyak 164 liter sehari. Justeru itu, peningkatan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air yang tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air adalah semakin berkurangan.

6. Akhirnya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas Skim Air Darul Ehsan ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : LAWATAN KERAJAAN NEGERI KE LUAR NEGARA

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menggalakkan delegasi mewakili Kerajaan Negeri melawat ke luar negara?
- b) Nyatakan jumlah kos yang dibelanjakan bagi tahun 2018 - tahun 2019 untuk urusan menarik pelaburan ke Negeri Selangor?
- c) Nyatakan jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk hasil lawatan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya Kerajaan Negeri tiada halangan kepada mana – mana delegasi mewakili Kerajaan Negeri melawat ke luar negara atas urusan rasmi.
- b) Jumlah kos yang dibelanjakan bagi tahun 2018 – tahun 2019 untuk urusan menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah sebanyak RM 33,085,545.73 (RM 33.09 juta) yang mana kos ini merangkumi pelbagai program seperti misi penggalakkan pelaburan ke luar Negara, sesi dialog, libat urus (*engagement*), penganjuran dan penyertaan pameran dalam dan luar negara serta penerbitan bahan promosi.
- c) Berdasarkan program – program promosi penggalakkan yang dilaksanakan, pihak Invest Selangor telah menerima sebanyak 36 cadangan projek pelaburan dengan nilai potensi pelaburan berjumlah RM 12 bilion bagi tahun 2018 dan sebanyak 29 cadangan projek dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM 14.8 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2019.

Namun begitu, pada tahun 2018, sebanyak 241 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 18.95 bilion telah diluluskan untuk ditempatkan di Negeri Selangor. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 132 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5.97 bilion telah diluluskan.

Secara kesimpulannya, Kerajaan Negeri menerusi Invest Selangor telah membelanjakan sebanyak hanya 0.13% dari hasil pelaburan yang telah diluluskan bagi tahun 2018 hingga Jun 2019 yang berjumlah RM 24.92 bilion.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PELARIAN DALAM DUN TERATAI

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik bilangan pemegang kad UNCHR yang tinggal di Teratai?
- b) Adakah Kerajaan Negeri pernah melakukan bincian isi rumah warga asing di kawasan DUN Teratai?
- c) Adakah perancangan melaksanakan bincian susulan lambakan warga asing yang tidak terkawal Di Pandan Mewah, Tasek Permai?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : GLC

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai aset semua yang dimiliki oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a)

| Bil | Nama Syarikat | Nilai aset setakat 31/12/2018 (RM) |
|-------------------------------------|--|------------------------------------|
| 1 | Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) | 11,999,566,150 |
| ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI | | |
| 1 | Kumpulan Darul Ehsan Berhad | 13,625,823,000 |
| 2 | Permodalan Negeri Selangor Berhad | 672,782,000 |
| 3 | Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd | 12,131,575 |
| 4 | Tourism Selangor Sdn Bhd | 5,905,905 |
| 5 | Kumpulan Semesta Sdn Bhd | 64,889,139 |
| 6 | Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad | 43,196,834 |
| 7 | Communication Corporation Sdn Bhd | 9,855,293 |
| 8 | Pendidikan Industri YS Sdn Bhd | 1,260,060,177 |
| 9 | Inpen (Selangor) Sdn Bhd | 12,457,846 |
| 10 | Invest Selangor Berhad | 12,611,573 |
| 11 | Rantaian Mesra Sdn Bhd | 1,471,000 |
| 12 | Yayasan Warisan Anak Selangor | 39,369,432 |
| 13 | Yayasan Hijrah Selangor | 239,817,888 |
| 14 | SRM Setia Sdn Bhd | 12,103,824 |
| 15 | Smartsel Sdn Bhd | 500,488 |
| 16 | Landasan Lumayan Sdn Bhd | 4,123,554 |
| 17 | KDEB Waste Management Sdn Bhd | 228,926,310 |
| 18 | Darul Ehsan Investment Group Berhad | - |
| 19 | SSDU Innovations Sdn Bhd | 22,480,670 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENGOREKAN PASIR LAUT

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kegiatan mengorek pasir laut yang tidak pernah dilesenkan di muara Sungai Langat dilaporkan telah menjejaskan pendapatan para nelayan di Kuala Langat. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengawal kegiatan ini?

JAWAPAN:

- a) Pemantauan bersama pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dijalankan bagi aduan yang diterima. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, masih belum ada tangkapan yang dibuat. Pemantauan dan siasatan akan diteruskan untuk membendung aktiviti pengorekan pasir tanpa kebenaran ini.

Mesyuarat Penyelarasan Bagi Membincangkan Isu Aktiviti Perlombongan Pasir Yang Menjejaskan Ekosistem dan Ekonomi Nelayan di Daerah Kuala Langat telah diadakan pada 19 September 2019 di Pejabat Pembangunan Negeri Selangor. Mesyuarat memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Pampasan kepada nelayan terjejas disegerakan;
- ii. Semak semula kewajaran kelulusan Lesen Pengorekan Pasir Dasar Laut dan semak semula lokasi stockpile yang dibenarkan;
- iii. Penyaluran peruntukan bagi aktiviti penguatkuasaan oleh pihak kementerian yang berkaitan; dan
- iv. Kementerian/Jabatan/Agensi dipohon untuk lebih proaktif dalam menangani isu dan aduan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEMARAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SEMENYIH

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri lakukan bagi mengekang kekerapan berlakunya pencemaran dan penutupan loji air Semenyih?
- b) Nyatakan statistik yang telah dikenakan tindakan melalui penguatkuasaan undang-undang oleh pihak Jabatan Alam Sekitar atau MPKj bagi tahun 2016- 2019 di Sungai Semenyih.

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya. Penguatkuasaan bersepadan dan tindakan perundungan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
 - ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
 - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- b) Berikut adalah tindakan undang-undang yang telah dikenakan oleh LUAS terhadap insiden pencemaran di Sungai Semenyih:-

| Bil . | Nama Premis | Tahun kejadian | Jenis Pencemaran | Tindakan yang dikenakan | Status Kes |
|-------|--|----------------|--|--|---|
| 1. | Wong Voon Tee (pemilik tunggal Perniagaan Leiko Recycle) | 2016 | Menyebabkan pelepasan atau kemasukan bahan pencemar yang mengandungi bahan pelarut ke dalam Sungai Semenyih. | Pendakwaan terhadap pemilik premis di Mahkamah Sesyen di Kajang. | Pendakwaan tidak dapat diteruskan kerana pemilik premis telah melarikan diri ke China pada November 2016. |
| 2. | Lim Poh Keong | 2017 | Menyebabkan pelepasan atau | Saman sivil telah difailkan | Pemilik premis diperintahkan |

| | | | | | |
|----|--|------|--|--|---|
| | (pemilik tunggal Perniagaan Twin Lim Tyre) Recycle services | | kemasukan bahan pencemar yang mengandungi minyak ke dalam Sungai Semenyih. | di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi menuntut semula kos pembersihan tapak berjumlah RM 205,243.00. | untuk membayar tuntutan RM 205,243.00 kepada LUAS secara ansuran bulanan selama 29 bulan bermula 18 April 2018 sehingga penyelesaian penuh. Pemilik premis walaubagaiman apun hanya membayar untuk 3 bulan ansuran sahaja. LUAS kini sedang dalam tindakan untuk memfaikan Notis Kebankrapan terhadap pemilik premis. |
| 3. | Syarikat Ngo Chew Hong | 2019 | Menyebabkan pelepasan atau kemasukan efluen kilang sehingga menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih. | Surat Arahan diberikan kepada premis untuk menghentikan operasi kilang dan menjalankan langkah-langkah mitigasi pengawalan pencemaran. | Pihak premis telah mematuhi surat arahan yang diberikan. |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KEPERLUAN INFRASTRUKTUR LOKASI RIADAH

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan melalui PBT bersama sektor swasta berhasrat untuk menambah kemudahan di Tasik Widuri Bukit Beruntung yang mempunyai potensi menarik pengunjung tempatan beriadah walaupun difahamkan tanah tersebut adalah milik swasta?

- b) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) MDHS tiada perancangan untuk menaiktaraf tasik tersebut kerana ianya tasik milik swasta. MDHS hanya boleh mengenakan syarat kepada pemilik tanah apabila tanah tersebut digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TAMAN KANAGAPURAM, PETALING JAYA

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah bilangan lot kediaman di Taman Kanagapuram?
- Berapakah lot yang digunakan untuk kediaman, perniagaan dan kosong?
- Bilakah MBPJ akan merobohkan segala pembinaan tanpa kelulusan bagi lot perniagaan tanpa kebenaran ini?

JAWAPAN:

- Sebanyak 117 buah jumlah keseluruhan lot kediaman di kawasan Taman Kanagapuram Petaling Jaya.
- Pecahan Penggunaan Tanah adalah seperti berikut:-

| Bil. | Penggunaan Tanah | Jumlah |
|---------------|---|---------------|
| A. | Zon Perdagangan Terhad | |
| | Lot Digunakan Untuk Perniagaan | 14 lot |
| | Lot Tiada Bangunan/ Tidak Berpenghuni Tanah Kosong/ Rumah Terbiar | 4 lot |
| | Digunakan Untuk Kediaman | 1 lot |
| Jumlah | | 19 lot |
| B. | Zon Kediaman | |
| | Lot Di Jadikan Perniagaan | 9 lot |
| | Lot Tiada Bangunan/ Tidak Berpenghuni Tanah Kosong/ Rumah Terbiar | 11 lot |
| | Rumah Kediaman | 73 lot |
| | Lot Dijadikan Pejabat Komuniti/ Kuil Dan Lain-Lain | 5 lot |
| | Jumlah | 98 lot |

- c) Majlis telah mengambil tindakan terhadap binaan tanpa kebenaran bagi lot-lot perniagaan di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Pihak Majlis juga telah membawa kes-kes binaan tanpa kebenaran ini ke Mahkamah. Kerja-kerja perobohan binaan tanpa kebenaran tersebut hanya dapat dilakukan setelah pihak Majlis memperolehi arahan Perintah Termesti dari Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KUIL SRI MAHA MARIAMMAN SEAFIELD

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini berkenaan pemindahan Kuil tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kuil Sri Maha Mariamman Hicom Shah Alam adalah sebuah kuil seluas 1.14 ekar yang didirikan di atas sebahagian tanah hak milik GRN 332479 Lot 92353 berkeluasan 17.25 ekar secara keseluruhannya kepunyaan Pemaju Tetuan One City Development Sdn. Bhd.

Pihak pemaju telah mencadangkan sebidang tanah yang berstatus Tanah Kerajaan berkeluasan 1 ekar di dalam kawasan USJ 25, Putra Height, Mukim Damansara, Daerah Petaling untuk dijadikan sebagai tapak gantian bagi kuil tersebut. Pada asalnya, tapak ini juga adalah kepunyaan pihak pemaju tersebut yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam. Tapak ini dikenali sebagai Lot 92406 dan di atas lot ini, pihak pemaju juga telah mendirikan sebuah binaan kekal Rumah Ibadat Bukan Islam (Kuil) yang akan diserahkan kepada pihak Persatuan Kuil Sri Maha Mariamman Seafield.

Pada masa yang sama, Mahkamah Tinggi telah memutuskan persetujuan penghakiman terhadap isu Kuil Sri Maha Mariamman Seafield agar pihak kuil diberikan tapak ganti di kawasan Putra Height serta pemberian sejumlah amaun daripada pihak pemaju untuk diserahkan kepada pihak Jawatankuasa Kuil. Kerajaan Negeri berpendirian untuk akur terhadap keputusan mahkamah berkenaan isu pemindahan Kuil Sri Maha Mariamman Seafield ini.

Tindakan pemindahan kuil ini juga sedang di dalam proses penelitian bagi menentukan jawatankuasa yang berhak menguruskan kuil ini memandangkan telah wujud dua (2) jawatankuasa kuil yang berbeza dalam pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Seafield.

Memandangkan isu pemindahan kuil Kuil Sri Maha Mariamman Seafield ini telah menjadi isu yang begitu serius dan sensitif di peringkat nasional, perkara ini dalam pertimbangan untuk dirujuk ke Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak GLC milik Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk melibatkan diri dalam sektor makanan dan minuman (f&b) halal atau peruncitan kerana pasarnya yang luas di samping dapat memperkenalkan jenama tempatan di pasaran?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, syarikat GLC milik Kerajaan Negeri tidak mempunyai penglibatan di dalam sektor makanan dan minuman (F&B) halal atau peruncitan. Namun begitu, MBI melalui anak syarikatnya Central Spectrum Sdn Bhd (CSSB) telah menyediakan Halal Park, di mana aktiviti perkilangan, pembuatan dan perkhidmatan perniagaan terletak di Pulau Indah dengan pelbagai kemudahan seperti taman, aktiviti ekonomi dan sosial. Halal Park bertujuan memberi peluang syarikat-syarikat yang mengambil bahagian untuk berkembang dan memastikan aspek aspek Halal dijaga sepenuhnya oleh pengeluar tersebut.

CSSB juga telah melancarkan Halal International Selangor (HIS) bagi menyediakan kemudahan penawaran program latihan persijilan Halal yang diperakui oleh Halal Technician Competent Person (HTCP). Program ini merangkumi pematuhan syariah, Halal Malaysia, pendedahan teknikal dan komersial oleh industri Halal yang telah diperkenalkan di universiti tempatan untuk tujuan latihan dan pengukuhan pengetahuan halal di kalangan pasaran graduan pekerjaan. Ini dapat memastikan industri halal Malaysia di perakui mengikut pasaran semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : AIR SELANGOR, BERAPAKAH KOS YANG TELAH DI BAYAR KEPADA
POS MALAYSIA UNTUK MENGHANTAR BIL AIR?**

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa bil-bil Air Selangor tidak dihantar terus, sebaliknya pihak pos Malaysia meminta pengguna diminta ambil bil collect point?
- b) Mengapa bil-bil perkhidmatan lain seperti telekomunikasi dan lain-lain boleh dihantar terus ke rumah pengguna?

JAWAPAN:

- a) Bermula pada 1 Januari 2018, sejajar usaha ke arah 'green bill', Air Selangor telah memperkenalkan sistem e-Bil dan menghentikan pengeluaran bil di tapak (Spot Bill). Bagi pelanggan yang tidak memilih perkhidmatan e-Bil, bil air akan dihantar melalui POS Malaysia ke alamat premis pelanggan dan ke 'Pusat Pungutan Setempat (Call Point). POS Malaysia telah memperkenalkan Pusat Pungutan Setempat (Call Point) di masjid, surau, rumah penghulu atau kedai-kedai dan memusatkan penghantaran surat biasa, bil telekomunikasi serta bil Air Selangor dan lain-lain bagi memudahkan penduduk setempat mengambil surat atau bil bulanan mereka. Kaedah ini dilaksanakan oleh POS Malaysia disebabkan terdapat sesetengah kawasan atau alamat yang tidak boleh dilawati oleh Posmen secara terus untuk menghantar bil-bil tersebut kerana lokasi yang sukar atau tidak tersusun.
- b) Berdasarkan semakan terdapat juga syarikat - syarikat telekomunikasi seperti Telekom Malaysia dan lain-lain yang menggunakan perkhidmatan POS Malaysia dimana surat-surat dan bil juga dihantar ke Pusat Pungutan Setempat (Call Point) disebabkan perkara seperti yang dinyatakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah mengikut pecahan yang telah diberikan kepada anak syarikat kerajaan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan statistik mengikut pecahan PBT dan apakah jenis pembangunan yang telah dilakukan pada tanah tersebut?
- c) Berapakah sumbangan hasil cukai tanah itu kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, sejumlah 3,388.49 ekar tanah telah diberikan kepada anak syarikat kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2015 hingga Oktober 2019. Senarai mengikut daerah adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Pecahan keluasan tanah yang diberikan kepada anak syarikat kerajaan Negeri Selangor mengikut daerah adalah seperti di Lampiran 1.
- c) Jumlah kutipan cukai tanah bagi kesemua hakmilik berbayar di bawah anak syarikat kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 sehingga 18 Oktober 2019 adalah berjumlah RM11,421,609.13. Kutipan cukai tanah ini adalah merangkumi pembayaran bagi 54,763 hakmilik kepunyaan tiga belas (13) anak syarikat tersebut. Pecahan jumlah kutipan untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM44,789,249.28 bagi 15,586 hakmilik dengan pembayaran sebanyak RM11,147,531.40 oleh pihak Central Spectrum (M) Sdn. Bhd, RM530,778.18 oleh Kumpulan Darul Ehsan Bhd. (KDEB), RM453,856.30 oleh Kumpulan Perangsang Selangor Bhd., manakala RM69,171.30 dibayar oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), RM233,284.50 oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), RM9,398.743.10 dibayar oleh pihak Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), RM18,071,135.28 oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), seterusnya RM831,508.80 oleh Perbadanan Kemajuan

Pertanian Selangor (PKPS), RM615,845.31 dibayar oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSKS), RM1,512,000.75 oleh pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), RM573,578.85 oleh SAP Holdings Berhad, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) pula membayar sebanyak RM543,847.61 dan akhir sekali Yayasan Selangor membayar sebanyak RM807,958.90. Buat makluman Y.B. Sungai Air Tawar, pada tahun 2018 pula, jumlah kutipan hasil cukai tanah bagi kesemua anak syarikat yang diterima adalah sebanyak RM29,177,031.76 meliputi pembayaran bagi 16,511 hakmilik. Pecahannya adalah merangkumi pembayaran oleh pihak Central Spectrum (M) Sdn. Bhd sebanyak RM5,572,372.20, RM536,118.50 oleh Kumpulan Darul Ehsan Bhd. (KDEB), RM337,635.10 oleh Kumpulan Perangsang Selangor Bhd., manakala RM66,028.65 dibayar oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), RM226,342.40 oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), RM1,776,784.20 dibayar oleh pihak Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), RM16,975,173.69 dibayar oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), seterusnya RM836,977.20 oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), RM493,968.65 dibayar oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSKS), RM802,408.39 oleh pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), RM719,903.40 oleh SAP Holdings Berhad, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) pula membayar sebanyak RM300,065.18 dan akhir sekali Yayasan Selangor membayar sebanyak RM533,254.20.

Manakala untuk tahun 2019 sehingga 18 Oktober pula, jumlah kutipan cukai tanah bagi anak syarikat Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM37,455,328.09 merangkumi sebanyak 22,666 hakmilik berbayar. Maklumat lengkap pecahan bayaran adalah seperti berikut iaitu pihak Central Spectrum (M) Sdn. Bhd membayar sebanyak RM6,498,027.85 diikuti oleh Kumpulan Darul Ehsan Bhd. (KDEB) sebanyak RM537,077.10, RM325,922.40 oleh Kumpulan Perangsang Selangor Bhd., manakala RM73,852.80 dibayar oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), RM282,692.00 oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), RM7,097,587.30 dibayar oleh pihak Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), RM18,099,357.67 dibayar oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), seterusnya RM880,012.51 oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), RM502,444.61 dibayar oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSKS), RM1,998,766.50 oleh pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), RM660,111.90 oleh SAP Holdings Berhad, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) pula membayar sebanyak RM177,833.35 dan akhir sekali Yayasan Selangor membayar sebanyak RM321,642.10.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : KEBAJIKAN DAN LESEN PENJAJA

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan melalui PBT di setiap daerah mempunyai mekanisme untuk menempatkan para penjaja kecil di suatu tempat yang strategik di samping dapat menambah pendapatan penjaja dan juga PBT melalui pembayaran lesen dan sewa tapak?

JAWAPAN:

- a) PBT telah menyediakan premis-premis perniagaan dalam bentuk kiosk, gerai, pasar , kiosk pondok bas dan kiosk kuih muih bagi membantu penjaja-penjaja kecil bermiaga dengan kos penyewaan yang rendah dan sesuai. Di samping itu PBT turut menyediakan tapak-tapak menjaya sementara di beberapa lokasi bagi memberikan peluang perniagaan kepada penjaja-penjaja kecil bermiaga ditempat yang dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : STATUS PADANG PKNS DI KAWASAN KG. KAYU ARA

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila maklumkan apakah status pemilik dan penjaga padang di Jalan 5, Kampung Sungai Kayu Ara (lebih dikenali sebagai Padang PKNS)?
- b) Siapakah yang bertanggungjawab menaiktarafkan padang tersebut?

JAWAPAN:

- a) Padang di Jalan 5, Kampung Sungai Kayu Ara adalah dibawah selenggaraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertanggungjawab menaiktaraf padang tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci hasil kajian berkaitan pembangunan loji rawatan air di Sungai Rasau.
- b) Nyatakan kos yang telah digunakan dalam kajian tersebut.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali :

Pembangunan loji rawatan air di Sungai Rasau masih di dalam peringkat Kajian Kemungkinan “Consultancy Services For Feasibility Study On The Development Of Sg Rasau Water Supply Scheme, Selangor Darul Ehsan” memandangkan pelantikan perunding baru dimuktamadkan pada 18 September 2019. Surat Tawaran Pelantikan Perunding memperuntukkan kos perunding sebanyak RM1,602.608.70 menggunakan kaedah bayaran secara Input Masa dan perbelanjaan imbuhan balik adalah mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan prinsip yang mana lebih rendah dan tidak melebihi kos yang telah dipersetujui. Kajian ini akan disiapkan dalam tempoh selama 12 bulan bermula pada 30 September 2019 hingga 29 September 2020.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)

TAJUK : LALUAN BAS SMART SELANGOR

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk penambahan laluan bas Smart Selangor pada tahun 2020?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang dilaksanakan pada 1 Julai 2015 sehingga kini telah mempunyai 43 laluan dengan 138 buah bas. Jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 September 2019 telah mencapai 41 juta orang. Penambahan laluan akan memberikan implikasi terhadap kewangan apabila melibatkan pertambahan kos yang perlu ditanggung iaitu sebanyak RM800 sebuah bas sehari. Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM30 juta setahun bagi membiayai keseluruhan perkhidmatan Bas Smart Selangor sejak ianya dilaksanakan.

Bagi perancangan untuk tahun 2020, jumlah laluan perkhidmatan bas ini masih diteruskan dan dikekalkan. Namun begitu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang penambahan laluan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan cadangan penambahan laluan juga bergantung kepada keupayaan Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakannya berdasarkan kemampuan kewangan semasa serta mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor termasuk kelulusan daripada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat kerana laluan perkhidmatan bas ini merupakan laluan sosial dan bukan untuk persaingan dengan syarikat bas sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : MEKANISME ADUAN PBT

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada merancang sebarang mekanisme untuk memastikan kerajaan tempatan mengambil tindakan pantas dalam menyelesaikan aduan-aduan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 2013, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar setiap PBT menubuhkan Pasukan Tindakan Segera atau dikenali sebagai PANTAS. Pasukan ini berperanan dalam mengendalikan kes kecemasan dan bencana di seluruh Negeri Selangor berdasarkan pemantauan dan juga aduan rakyat. Kewujudan PANTAS ini telah banyak menyelesaikan masalah segera aduan rakyat khususnya kepada banjir, tanah runtuh, runtuhan, ribut, kemalangan dan kebakaran.

Bagi isu selain kecemasan dan bencana, setiap PBT mempunyai mekanisma masing-masing dalam menyelesaikan aduan rakyat melalui pelbagai saluran sama ada talian telefon, sosial media, emel dan apps. Setiap PBT akan berusaha untuk mengambil tindakan segera ke atas aduan berdasarkan keadaan dan peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara. Selain itu, pada masa ini PBT sedang meneliti cadangan Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) agar setiap PBT disarankan supaya menubuhkan satu Unit Khas untuk mengenal pasti masalah, membuat rondaan dan membuat penguatkuasaan ke atas setiap kesalahan dan kerosakan yang ditemui. Cadangan ini akan diteliti mengikut kemampuan dan kesesuaian PBT masing-masing.